



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/04/68 (HQ)

KETSA PUAS HATI TNB TINGKAT KUALITI PERKHIDMATAN

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah berpuashati dengan usaha Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengukuhkan perbekalan elektrik negara dalam usaha berterusan syarikat utiliti negara itu meningkatkan perkhidmatan dan memperkasa pengguna.

"Kita nak (TNB) menjaga dan sama-sama membantu kerajaan menjaga kepentingan rakyat," katanya pada sesi lawatan kerja ke TNB di Kompleks Ibu Pejabat TNB di Bangsar petang semalam.

Menurutnya, menjadi hasrat Kerajaan untuk rakyat terus mendapat bekalan elektrik dengan harga yang berpatutan dan pada masa yang sama TNB dapat terus berdaya maju bagi meneruskan pelaburan modal dan mendapat pulangan setimpal yang boleh dikongsi dengan rakyat serta para pemegang sahamnya.

Pengalaman dari pandemik COVID-19 jelas menunjukkan tindakan bersama Kerajaan dan TNB membolehkan "kita berkongsi kesusahan rakyat" dengan TNB sendiri membuat pelbagai sumbangan yang dengan nilai yang amat besar, katanya.

Dr. Shamsul turut memuji pencapaian TNB meningkatkan kualiti bekalan elektrik, antaranya dengan Sistem Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) di Semenanjung menurun secara konsisten di bawah paras 60 minit sejak 2014 sehingga mencapai 44.95 minit pada tahun lalu.

Walaupun SAIDI yang merupakan ukuran tempoh gangguan bekalan elektrik ini antara terendah di negara-negara Asia Tenggara dan sebilangan negara membangun, beliau mahu TNB meneruskan usaha menurunkannya lagi. "Tentunya kita nak lebih rendah daripada itu."

Sepanjang tiga jam sesi lawatan, Dr. Shamsul Anuar diberikan taklimat mengenai pemodenan sistem Rangkaian Pembahagian (Distribution Network) TNB yang mengambil kira keperluan rakyat, rancangan pelaburan modal TNB untuk tempoh 2022 hingga 2024, serta taklimat ringkas mengenai Kampus Ibu Pejabat baru TNB yang sedang dalam pembangunan.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Dato Seri Mahdzir Khalid dalam ucapannya berkata beliau yakin TNB dengan kekuatan lebih 35,000 warga kerja di bawah pimpinan Presiden dan CEO Datuk Ir. Baharin Din mampu untuk terus menerangi negara selain melaksanakan program yang dirancang Kerajaan.

Antaranya, mempertingkatkan lagi kualiti bekalan elektrik dan peranan tenaga solar serta meningkatkan peluang pekerjaan melalui program latihan semula dan peningkatan kepakaran (*reskilling* dan *upskilling*) bagi memenuhi keperluan bekalan industri tenaga.

Lebih daripada 15,000 orang akan dilatih dalam program tersebut menjelang 2024, katanya lagi.

Turut hadir pada sesi lawatan itu adalah Presiden dan CEO TNB, Datuk Ir. Baharin Din, barisan delegasi Kementerian Tenaga dan Sumber Asli serta pengurusan tertinggi TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 April 2021, jam 1:30 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah (dua, kanan) mendengar penjelasan dari Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dato' Seri Mahdzir Khalid (tengah) mengenai Projek Kampus Platinum TNB pada sesi lawatan kerja ke TNB di Kompleks Ibu Pejabat TNB di Bangsar petang semalam.

Hadir sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (kiri) dan Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder (Chief Regulatory & Stakeholder Management Officer) TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman (kanan).



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood (berdiri, kiri) pada sesi lawatan kerja ke TNB di Kompleks Ibu Pejabat TNB di Bangsar petang semalam.

Hadir sama, Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid (dua, kanan).